

15/15721. (54)

 <p>PERBADANAN PUTRAJAYA</p>	<p>KENYATAAN / SIARAN AKHBAR</p> <p>Bahagian Komunikasi Korporat Perbadanan Putrajaya Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8881 1008</p>
---	--

**PPJ SERAH SUMBANGAN FACE MASK, HAND SANITIZER DAN
TERMOMETER KEPADA SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH
PUTRAJAYA**

PUTRAJAYA, 03 JULAI 2020 – YBhg. Datuk Dr. Aminuddin Bin Hassim, Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj) menyempurnakan Majlis Penyerahan Face Mask, Hand Sanitizer & Thermometer Sempena Program Kesedaran Norma Baharu Pelajar Putrajaya bertempat di Sekolah Menengah Kebangsaan Presint 18(1), Presint 18, Putrajaya.

Sebanyak 110 botol *hand sanitizer*, 110 kotak topeng pelitup muka, dan 11 termometer akan diserahkan kepada 11 buah sekolah menengah Putrajaya.

Turut hadir sama pada majlis tersebut ialah, YBhg. Datuk Azizi Bin Ahmad Termizi, Naib Presiden Jabatan Perkhidmatan Bandar, PPj dan Puan Hajah Farizah Binti Ahmad, Pengarah Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Program ini bertujuan membantu pihak pengurusan sekolah untuk membuat persediaan seawal dua minggu sebelum pembukaan sesi persekolahan dan bagi memerangi penularan Covid 19.

Inisiatif ini merupakan salah satu usaha PPj dengan kerjasama Jabatan Pendidikan WP Putrajaya dibawah Pelan Tindakan Blueprint Masyarakat Sejahtera 2018-2022 dalam meningkatkan kesedaran kepada para pelajar dan warga sekolah tentang kepentingan penjagaan keselamatan dan kesihatan. Disamping itu, usaha diharapkan

dapat mendidik masyarakat Putrajaya mengamalkan amalan nilai-nilai murni dan norma-norma baharu dalam kehidupan seharian.

PPj dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM), Alam Flora dan Pejabat Kesihatan Daerah Putrajaya juga telah melaksanakan sanitasi awam bersepadu di beberapa lokasi termasuk tadika dan sekolah di Putrajaya.

Keterangan lanjut berhubung Majlis Penyerahan Face Mask, Hand Sanitizer Dan Termometer Sempena Program Kesedaran Norma Baharu Pelajar Putrajaya, sila hubungi Pegawai Media PPj, Encik Mohd Fairus Bin Mohd Padzil ditalian 03-88877347 / 019-3354346 dan Encik Mohamad Fitri Bin Norsalim ditalian 03-88877258 / 011-10688347.



(TENGGU AINA BINTI TENGGU ISMAIL SHAH)

Pengarah

Bahagian Komunikasi Korporat

b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 02 Julai 2020

* Nota : - tiada wakil media yg hadir.
Gambar dan siaran media
telah dihantar by email.